

**Tajuk : Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah**

---

Kategori: **Akidah**

Tahun: **1997**

Status Pewartaan: **Diwartakan**

Negeri: **Terengganu**

---

**Keputusan :** Bahawasanya menurut Seksyen 26 (3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan telah perkenan supaya fatwa yang terkandung di dalam ini disiarkan dalam Warta.

Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Seksyen 25, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam 1986, Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu dengan ini membuat dan mengeluarkan fatwa berikut :

1. Bahawasanya:

(i) Umat Islam di negeri Terengganu hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.

(ii) Penerbitan-penerbitan dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah diharamkan.

2. Oleh yang demikian :

(i) Mana-mana orang Islam adalah dilarang -



[Klik disini untuk mencetak](#)

(a) mengajar, mempelajari, mengamalkan, berpegang kepada atau menerbitkan ajaran-ajaran selain pemahaman-fahaman Islam selain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.

(b) menerbit, menyiar, menyebarkan apa-apa buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam selain daripada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak.